

29/11/2000

Peniaga diingot tidak naikkan harga

Wan Essuriyanti; Salina Abdullah; Wan Hazmir Bakar
KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan hari ini memberi amaran kepada peniaga supaya tidak menaikkan harga barang keperluan hanya semata-mata menghadapi masalah pengangkutan akibat banjir di beberapa negeri di utara dan Pantai Timur.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peniaga tidak boleh menjadikan alasan banjir untuk menaikkan harga kerana ia akan membebankan mangsa banjir.

"Kementerian sedar peniaga menghadapi masalah pengangkutan ketika banjir kerana jalan raya kebanyakannya ditenggelami air sehingga menyebabkan peniaga terpaksa menunggu lama untuk dapat stok barangan.

"Namun, ini tidak bermakna yang peniaga boleh menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya," katanya di Lobi Parlimen di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kesukaran peniaga apabila menghadapi banjir di beberapa buah negeri termasuk Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Muhyiddin berkata, kementerian akan terus membuat pemantauan sewaktu kejadian banjir bagi memastikan peniaga menjual barangan yang dikawal mengikut harga yang ditetapkan.

Setakat ini, katanya, bekalan semua jenis barang keperluan adalah mencukupi dan kementerian belum menerima sebarang aduan berkaitan.

"Kementerian tidak menerima sebarang laporan mengatakan bekalan tidak cukup. Jadi, tidak timbul tindakan peniaga cuba menaikkan harga barang sewenang-wenangnya," katanya.

Pada masa yang sama, katanya, kementerian juga tidak belum menerima sebarang laporan mengenai kes harga barang melambung naik terutama di negeri yang terbabit dengan kejadian banjir.

Mengenai bekalan barang keperluan untuk bulan depan, Muhyiddin berkata, kementerian akan menyerahkan satu laporan khas kepada Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa kementerian berkenaan, Roslan Mahayudin menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati supaya tidak tertipu ketika membeli-belah sepanjang Karnival Jualan Mega yang akan berlangsung, bulan depan.

"Orang ramai diminta melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa jika berasa berlaku penipuan dalam tawaran harga yang dijalankan oleh peniaga sepanjang karnival berlangsung," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Roslan berkata, pihaknya juga akan menjalankan operasi bagi memantau jualan sepanjang karnival berkenaan.

Katanya, peniaga yang didapati melakukan penipuan boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 seperti gagal mempamerkan dua tanda harga (sebelum dan selepas diskaun) dan nombor pendaftaran pada iklan tawaran murah.

"Semua peniaga dikehendaki mengemukakan notis dalam tempoh 14 hari sebelum jualan murah diadakan untuk memudahkan pegawai penguatkuasa membuat pemeriksaan ke premis terbabit.

"Notis berkenaan juga bertujuan memastikan peniaga mematuhi Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997," katanya.

Karnival Jualan Mega Disember yang berlangsung pada 2 Disember 2000 hingga 2 Januari 2001 adalah satu siri Karnival Jualan Mega yang diadakan

tiga kali setahun.

Sempena karnival berkenaan, orang ramai boleh mendapatkan tawaran harga sehingga 70 peratus bagi semua barangan terutamanya untuk persediaan persekolahan, perayaan Krismas, Aidilfitri, Tahun Baru dan Tahun Baru Cina.

Upacara pelancarannya akan dijalankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka akan dimeriahkan dengan jualan juadah berbuka puasa, demonstrasi membuat kraftangan dan persembahan kanak-kanak.

(END)